

26 NOV 1999

MAHATHIR DAN SULTAN SOLAT JUMAAT BERSAMA LEBIH 5,000 JEMAAH

KOTA BAHARU, 26 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyertai Sultan Kelantan menunaikan solat Jumaat bersama 5,000 umat Islam di Masjid Muhammadi di sini hari ini.

Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed ialah antara jemaah.

Sebaik sahaja selesai solat, Perdana Menteri bersalaman dengan anggota jemaah lain sebelum berlepas memenuhi agenda lawatan beliau ke Kelantan, antara lain merasmikan peletakan batu asas jambatan Tendong-Wakaf Che Yeh dan melancarkan projek tambatan banjir lembangan Sungai Kelantan.

Solat diimamkan oleh Ismail Sayudina dari Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

-- BERNAMA

WM MAI